

Undang-undang Islam Selangor

Isu pindaan

selesai: PM

Oleh **JAILANI HARUN**

KUALA LUMPUR, Khamis — Isu berhubung pindaan Enakmen Pentadbiran **Undang-Undang Islam Negeri Selangor** sudah diselesaikan melalui semangat **Barisan Nasional**, kata **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**.

“Peraturan dan undang-undang negara ini sudah cukup untuk mengatasi masalah seperti ini. Prinsip ini akan kita amalkan sampai bila-bila demi mengekalkan nikmat hidup yang dikecap sekarang.

“Saya sudah menemui semua Menteri **Besar** dan mereka bersetuju dengan cara penyelesaian itu. Jadi, tidak perlulah saya menjelaskan apa-apa mengenainya lagi,” katanya.

Sebelum ini, Jawatankuasa Disiplin MCA memanggil lapan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada parti itu untuk memberi penjelasan mengapa mereka menyokong pindaan itu, tan pa merujuk kepada pucuk pimpinan MCA terlebih dahulu.

Mereka ialah Datuk Yap **Pian Hon** (Ketua Pemuda MCA), Encik Tang See Hang (Setiausaha Agung Pemuda), Datuk Ng Thian Hock (Ahli Jawatankuasa Pusat), encik Ng Soon Por, Encik Eng Hooi Choo, Encik Tong Yoke Seng, Encik Sim Keng Seik dan Encik Wong Ak Taih.

Pindaan Perkara 67 enakmen berkenaan, yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 19 Julai lalu, membenarkan kanak-kanak perempuan bukan Islam di bawah umur, bebas memeluk agama Islam sebaik saja mereka mencapai usia kematangan menurut undang-undang Islam, iaitu ketika sudah akil baligh.

Bagaimanapun, MCA berpendapat pindaan itu bercanggah dengan Perkara 12(4), Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan agama seseorang di bawah 18 tahun, ditentukan oleh ibu bapanya.

Bercakap kepada pemberita selepas menemui ahli majlis tematan yang mewakili Umno, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini, Perdana Menteri berkata, sebagai negara membangun, semua pihak patut mengelak perkara yang boleh memecahbelahkan perpaduan dan memberi perhatian kepada yang lebih membina serta menguntungkan semua kaum.

“Masalah kaum patut dibendung dalam satu badan saja. Lainlah kalau kita mahu melihat negara ini porak peranda seperti beberapa negara lain, apabila isu seperti itu dibuka kepada perbahasan umum,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bukan Islam tidak harus curiga manakala orang Islam pula tidak boleh mengatakan bahawa mereka tidak mendapat hak mereka.

Beliau menegaskan bahawa perkara itu sudah selesai “dan tidak ada satu pihak pun yang untung atau rugi”.